

26/07/2005

MAHATHIR-PROTON

DR MAHATHIR TIDAK TERKEJUT KHIDMAT TENGKU MAHALEEL DITAMATKAN

Oleh: Siti Hawa Othman dan Nor Hayati Muda

KUALA LUMPUR, 26 Julai (Bernama) -- Penasihat Proton, Tun Dr Mahathir Mohamad, sudah menjangkakannya dan tidak terkejut dengan keputusan untuk menamatkan perkhidmatan Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff sebagai ketua pegawai eksekutif Proton Holdings Bhd.

Beliau berkata, beliau mengsyakinya sejak beberapa lama dan ini berlaku mungkin disebabkan oleh kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Tengku Mahaleel mengenai Proton dan Dasar Automotif Negara kepada akhbar "Oriental Daily".

"Ini boleh menjadi sebab yang kukuh untuk menyingkir beliau. Saya membuat kesilapan dengan menyokong beliau tetapi beliau tidak disingkirkan atas dasar itu. Tetapi sekarang, asasnya cukup baik, tiada cacat cela langsung, amat sah serta mengikut perlembagaan dan undang-undang negara," katanya.

Dr Mahathir memberitahu satu sidang akhbar di sini hari ini bahawa beliau dimaklumkan melalui telefon semalam oleh Pengerusi Proton Holdings, Datuk Mohd Azlan Hashim, tentang keputusan yang dibuat oleh lembaga pengarah untuk menamatkan tempoh perkhidmatan Tengku dan telah menerima sesalinan kenyataan akhbar yang dibuat oleh lembaga itu pagi tadi. Menyentuh tentang hakikat bahawa beliau, sebagai seorang penasihat, dimaklumkan lama selepas keputusan itu dibuat, beliau berkata: "Saya bukan penasihat British yang mesti diberitahu terlebih dahulu (dan) bila dia kata tidak, kita tidak buat, tetapi saya adalah penasihat Melayu, beritahu (saya) kemudian."

Ditanya sama ada beliau akan terus kekal sebagai penasihat, beliau menjawab: "Melainkan kalau saya dipecat."

Mengenai sama ada pandangannya akan diambil kira oleh lembaga pengarah selepas ini, beliau berkata, "pandangan saya tidak ada apa-apa sebagai penasihat."

"Jika mereka sukakan nasihat saya, mereka ikut, jika mereka tidak suka, mereka tidak ikut," katanya.

Ditanya tentang perasaannya berhubung keseluruhan perkara ini, bekas perdana menteri itu berkata, apa yang beliau rasa tidak penting kepada sesiapa, tetapi apa yang akan berlaku kepada Proton, seharusnya dikhuatiri oleh seluruh negara kerana ia adalah industri nasional.

Dr Mahathir juga menganggap kedudukannya sebagai penasihat kepada syarikat dan beberapa pihak berkuasa sebagai khidmat negara dan, kecuali bagi Petronas, beliau tidak menerima sebarang bayaran bagi tugasnya.

Beliau adalah penasihat bagi Proton, Petronas, Lembaga Pembangunan Langkawi dan Lembaga Pembangunan Tioman tetapi hanya Petronas membayar sejumlah RM15,000 (dengan RM5,000 boleh ditolak sebagai cukai) kepadanya, dan itupun (pada mulanya) beliau tidak menyedarinya kerana ia dimasukkan terus ke dalam akaun beliau.

Semasa sidang akhbar itu, Dr Mahathir membayangkan bahawa bagi beliau Tengku Mahaleel tidak gagal hingga menyebabkan beliau kehilangan jawatannya.

Dr Mahathir berkata, bekas ketua pegawai eksekutif (CEO) itu telah membina keupayaan Proton hingga ia dikagumi oleh pembuat kereta luar negara.

Contohnya, kata beliau, Volkswagen mahu kerja-kerja reka bentuknya dilakukan oleh Proton kerana keupayaan mereka bentuk dan peringkat awal pembinaan kereta itu di Jerman agak mahal serta melibatkan kos lima kali

daripada jika ia dilakukan di Malaysia.

"Keupayaan Proton di bawah Tengku Mahaleel mengagumkan tetapi, barangkali lembaga pengarah merasakan keuntungan itu tidak cukup baik, jadi ia harus menukar kepada CEO yang lebih baik, yang boleh menghasilkan keuntungan yang lebih banyak. Lembaga pengarah berhak menyingkir apa sahaja," tegas Dr Mahathir.

Kata Dr Mahathir, beliau pasti Proton akan dikendalikan dengan lebih baik lagi di bawah pengurusan baru.

Sebelum persaraannya pada akhir September ini, Tengku Mahaleel akan bercuti mulai hari ini.

Proton telah melantik Datuk Kisai Rahmat, kini Pengarah Operasi, dan Datuk Kamarulzaman Darus, kini CEO Proton Tanjung Malim Sdn Bhd, sebagai Ketua Pegawai Operasi bersama untuk mengendalikan Proton Holdings. Dr Mahathir berkata antara beberapa sebab kontrak Tengku Mahaleel tidak disambung ialah kerana beliau tidak bersetuju dengan syarat-syarat yang tidak memuaskan yang telah ditawarkan kepadanya untuk terus bersama syarikat itu.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, CEO Proton itu sepatutnya mendapat ganjaran yang lebih baik terhadap pencapaiannya yang baik di Proton.

"Bagi saya, saya sendiri tidak menjangka sedemikian (untuk menerima ganjaran yang lebih baik). Lihatlah kepada masalah yang telah saya tinggalkan selepas menjadi Perdana Menteri. Kerajaan sekarang tiada lagi wang. Saya telah membelanjakan kesemuanya," katanya.

Menurutnya, Tengku Mahaleel telah menelefon untuk memberitahunya apa yang telah berlaku dan beliau bunyinya sedih.

"Beliau sangat sedih. Beliau tidak menangis tetapi orang lain akan menangis kerana beliau mengambil sikap sebagai seorang lelaki. Beliau sedih kerana beliau sayangkan kerja yang dilakukannya," katanya.

Mengenai hala tuju Proton selepas ini, Dr Mahathir berkata mereka yang mengendalikan Proton perlu lebih memahami lagi daripadanya kerana tindakan untuk tidak menyambung kontrak Tengku Mahaleel perlu menghasilkan penambahbaikan dan peningkatan dalam jualan.

Mengenai sama ada beliau telah diberitahu mengenai pengganti Tengku Mahaleel, beliau berkata, Azlan ada menyatakan mengenai langkah untuk mencari calon yang sesuai tetapi tidak menyatakan sebarang nama.

Dr Mahathir berkata beliau tidak mempertahankan Tengku Mahaleel tetapi kebimbangannya ialah mengenai kereta nasional itu yang telah dimulakannya sebelum Tengku Mahaleel menyertai lembaga pengarahnya.

"Apabila anda melakukan sesuatu dan ia kelihatan berjaya, anda mahu melihatnya terus berjaya. Pertelingkahan lembaga pengarah ini kemungkinan timbul ekoran campur tangan luar yang lebih berkuasa. Kebimbangan saya hanya terhadap Proton yang merupakan projek nasional," katanya.

Beliau melahirkan perasaan sedihnya bahawa Malaysia adalah sebuah negara Dunia Ketiga tetapi kereta nasional itu masih wujud walaupun pengeluar lain seperti MG Rover, Austin dan Morris telah tidak wujud lagi.

Katanya, Proton akan berakhir sedemikian jika ia tidak diuruskan dengan baik tetapi lembaga pengarahnya akan mencari cara terbaik bagi menggantikan Tengku Mahaleel dan kemungkinan memberi ganjaran yang lebih baik bagi kebijaksanaannya.

Ketika ditanya sama ada seorang calon rakyat asing mengendalikan syarikat itu, secara sinis Dr Mahathir berkata, "kita telah melihat orang asing mengendalikan Nissan. Sebenarnya rakyat Malaysia tidak berapa layak, jadi kita perlu mendapatkan orang asing, termasuk mengendalikan negara kita. Kita boleh mengambil orang asing sebagai Perdana Menteri, kenapa tidak, jika dia bijak."

Menurutnya, Tengku Mahaleel bukan seorang jurutera tetapi seorang sejarawan dan dengan itu tidak layak untuk mengendalikan Proton.

"Tetapi bagaimana beliau meyakinkan rakyat dan bagaimana beliau kendalikan Proton selama tujuh tahun dan membuat untung, saya tidak tahu," katanya.

Mengenai sama ada Tengku Mahaleel akan menerima ganjaran yang besar, Dr Mahathir telah memetik apa yang telah dikatakan oleh Azlan bahawa apa yang berlaku sebelum beliau menjadi pengerusi bukan urusannya yang membayangkan bahawa perkhidmatan Tengku Mahaleel di masa dahulu tidak akan menjadi pertimbangannya walaupun telah berkhidmat selama tujuh tahun.

Menurutnya, semasa Datuk Mohd Nadzmi Mohd Salleh meninggalkan Proton selepas mengetuainya selama tiga tahun, beliau telah diberi ganjaran sebanyak RM1 juta.

Mengenai sama ada perkara itu akan memberi impak kepada urusan dengan Volkswagen, Dr Mahathir berkata, urus niaga dan kerjasama itu mungkin ditambah baik.

Sama ada Tengku Mahaleel menentang cadangan Volkswagen untuk membeli kepentingan dalam syarikat pembuat kereta nasional itu, beliau berkata Tengku Mahaleel tidak berkata demikian.

Mengenai pandangannya sendiri mengenai perkara ini, Dr Mahathir merasakan bahawa Proton perlu membuat penilaian sama ada ia satu cadangan yang berbaloi tetapi menekankan bahawa beliau tidak menentang Volkswagen memegang kepentingan dalam Proton.

"Saya tidak boleh membuat keputusan. Saya tidak lagi dalam kerajaan," katanya sambil menyatakan bahawa Volkswagen berminat mengadakan kerjasama dengan Proton yang seterusnya dapat memberi manfaat kepada pembuat kereta nasional itu.

Beliau berkata banyak syarikat juga berminat terhadap Proton tetapi untuk kekal menjadi kereta nasional, Proton hendaklah sentias memegang kepentingan majoriti agar ia tidak sekadar menjadi syarikat pemasang kereta.

Ketika ditanya mengenai pemansuhan tambatan ringgit kepada dolar AS, Dr Mahathir berkata ringgit kini kian mengukuh dan mereka yang bertanggungjawab membuat keputusan itu tahu apa yang mereka lakukan.

-- BERNAMA

SHO/NM LC FR AHM